



[BERNAMA.com](#)
[BERNAMA TV](#)
[BERNAMA Radio](#)
[BERNAMA Images](#)
[MyCheck](#)
[Sukan Asia ke-19](#)
[Carian](#)
[Utama](#)
[Am](#)
[Jenayah & Mahkamah](#)
[Ekonomi](#)
[Sukan](#)
[Politik](#)
[Fokus BERNAMA](#)
[Tinta Minda](#)
[Meta@BERNAMA](#)
[Dunia](#)
[Laman Korporat](#)
[Laman Mikro](#)
[Infografik](#)
[Video](#)
[Siaran Media Eksklusif](#)
[Arkib](#)


AM

MALAYSIA AKAN SUARAKAN KEPADA PENGELUAR BERAS ASEAN UTAMAKAN NEGARA ANGGOTA



Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Chan Foong Hin (tengah) bergambar bersama para delegasi pada majlis perasmian Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN Mengenai Pertanian dan Perhutanan (AMAF) Kali Ke-45 hari ini.

04/10/2023 12:41 PM

KUALA LUMPUR, 4 Okt (Bernama) – Malaysia akan menyuarakan kepada negara pembekal beras utama ASEAN supaya memberikan keutamaan mengeksport makanan ruji itu kepada negara anggota pada Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN mengenai Pertanian dan Perhutanan (AMAF) kali ke-45.

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Chan Foong Hin berkata perkara itu akan dibangkitkan pada sesi perbincangan dua hala dengan negara-negara tersebut pada AMAF itu yang berlangsung di sini hari ini.

“Mungkin pada sesi bilateral kita akan bangkitkan seperti kita nak mengeratkan lagi hubungan antara dua negara supaya meletakkan keutamaan mengeksport beras kepada negara-negara ASEAN. Perbincangan mungkin dengan Thailand ataupun Vietnam,” katanya kepada pemberita selepas mewakili Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Mohamad Sabu merasmikan majlis tersebut di sini hari ini.



Mengulas mengenai Ops Bersepadu Beras Putih Tempatan yang dilancarkan semalam, Chan berkata pemeriksaan menyeluruh di semua peringkat rantai industri padi dan beras akan bermula pada bila-bila masa.

Semalam Mohamad ketika melancarkan operasi tersebut berkata operasi itu akan melibatkan badan Kawalselia Padi dan Beras, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, polis, Jabatan Kastam serta Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan

Kata Kunci

[asean](#)
[beras](#)
[chan foong h](#)

[amaf](#)
[thailand](#)
[vietnam](#)


Berita Berkaitan



PENDUDUK TAMBAH MANFAAT BELI BERAS SUBSIDI BPI



ELAK PEMBELIAN PANIK, BEKALAN BERAS BERSUBSIDI DI SABAH MENCUKUPI



MYCC, BAHAGIAN PENGUATKUASAAN KPDN SIASAT, AMBIL SERIUS DAKWAAN KARTEL BERAS - ARMIZAN

Lagi Berita



TIMBALAN MENTERI ALAM SEKITAR INDONESIA ALAMI MASALAH KESIHATAN SELEPAS BANTU PADAM KEBAKARAN HUTAN



DAKWAAN GUNA JENTERA KERAJAAN NEGERI UNTUK BERKEMPEN, BN PAHANG SEDIA DISIASAT



MALAYSIA CAPAI SASARAN 27 PINGAT DENGAN LOVELLY

Pemeriksaan Malaysia.

Sementara itu, Chan dalam ucapan pada majlis berkenaan berkata kemampuan sektor pertanian dan perhutanan yang penting kepada penduduk ASEAN, berdepan ancaman daripada perubahan iklim, penangkapan ikan berlebihan, amalan pertanian tidak lestari serta pembuangan sisa makanan.



"Menjadi tanggungjawab kita untuk melindungi sektor ini, yang menjadi sumber makanan dan pendapatan.

"Visi kita bersama-sama untuk mengeratkan hubungan sesama kita dan dengan rakan kongsi luar. Dalam situasi yang tidak menentu ini, ASEAN yang bersatu padu mampu membantu menyerap dan menangani kejutan luaran akibat peralihan dasar atau konflik serantau, bagi memastikan kestabilan dan kemakmuran rakyat," katanya.

-- BERNAMA

BERNAMA menyediakan informasi dan berita terkini yang sahih dan komprehensif yang disebarkan melalui Wires BERNAMA; www.bernama.com; BERNAMA TV di saluran Astro 502, unifi TV 631 dan MYTV 121 IFLIX dan Radio BERNAMA di frekuensi FM93.9 (Lembah Klang), FM107.5 (Johor), FM107.9 (Kota Kinabalu) dan RM100.9 (Kuching).

Ikuti kami di media sosial :

Facebook : [@bernamaofficial](https://www.facebook.com/bernamaofficial), [@bernamatv](https://www.facebook.com/bernamatv), [@bernamaradio](https://www.facebook.com/bernamaradio)

Twitter : [@bernama.com](https://twitter.com/bernama.com), [@BernamaTV](https://twitter.com/BernamaTV), [@bernamaradio](https://twitter.com/bernamaradio)

Instagram : [@bernamaofficial](https://www.instagram.com/bernamaofficial), [@bernamatvofficial](https://www.instagram.com/bernamatvofficial), [@bernamaradioofficial](https://www.instagram.com/bernamaradioofficial)

TikTok : [@bernamaofficial](https://www.tiktok.com/@bernamaofficial)

BERNAMA

Pertubuhan Berita Nasional Malaysia

Wisma BERNAMA
No.28 Jalan BERNAMA
Off Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur
Malaysia

Kategori

- Am
- Ekonomi
- Pasaran
- Tenaga
- Sukan
- Politik

Laman Mikro

- HAWANA 2023
- Belanjawan 2023
- Kesihatan
- Sarawak Tok

Wilayah

- Tengah
- Utara
- Selatan
- Timur
- Sabah
- Sarawak

Lain-lain

- Laman Korporat
- Hubungi Kami
- Produk dan Perkhidmatan
- Kerjaya@BERNAMA